


Menginovasi Penyelesaian Kelestarian



Sumber: Bloomberg

Profil Syarikat

Bloomberg Ticker	SDNA MK
Pusing Ganti Purata (MYR/USD)	5.41j/1.31j
Penggearan Bersih (%)	Tunai Bersih
Permodalan Pasaran (MYRj)	125.0
Beta (x)	0.0
BVPS (MYR)	0.12
Harga rendah/tinggi (MYR) 52 minggu	0.285 - 1.77
Apungan bebas (%)	42

Pemegang Saham Utama (%)

Sedania Corp. Sdn. Bhd.	31.1
Faroz Bin Mohamed Jakel	13.4
Nasri bin Nasrun	4.0

Prestasi Saham (%)

	1b	3b	6b	12b
Mutlak	35.6	(2.0)	(26.7)	59.7
Relatif	38.6	(2.4)	(28.9)	61.5

Lee Meng Horng +603 9280 8866

lee.meng.horng@rhbgroup.com

Merit Pelaburan

- Penyedia penyelesaian tenaga kelestarian memuncul;
- Penerima manfaat daripada trend pembangunan lestari dalam jangka lebih panjang;
- Usaha niaga ke dalam pasaran kelestarian kesihatan pertumbuhan tinggi.

Profil Syarikat

Sedania Innovator Berhad merupakan syarikat inovasi yang mempunyai beberapa portfolio dan menyediakan perkhidmatan di Malaysia dan serata dunia. Portfolio utamanya, Teknologi Hijau (GreenTech) menawarkan penyelesaian kecekapan tenaga dan teknologi penjimatan tenaga kepada organisasi untuk mengurangkan pelepasan karbon. Baru-baru ini, Sedania Innovator menerokai peluang dalam Teknologi Kesihatan (HealthTech) untuk membekalkan produk pengguna yang mengkhususkan dalam penjagaan kesihatan, penjagaan peribadi, isi rumah serta produk bayi dan penjagaan kanak-kanak. Perkhidmatan lain termasuklah Teknologi Kewangan (FinTech) dan Teknologi Telekomunikasi (TelcoTech).

Sorotan

Penyelesaian lestari sama menang kepada pelanggan perdana. Rekod prestasi mantap kumpulan ini jelas terbukti apabila mereka berjaya mendapat kontrak daripada pemain-pemain besar seperti Maybank, TM, Petronas dan AmBank. Pencapaian ini dapat diraih atas penyelesaian kelestariannya yang dijalankan berdasarkan belanja modal (capex) sifar, model perkongsian untung dipanggil Kontrak Prestasi Tenaga (EPC). Dengan proposisi unik kepada pelanggan, segmen perniagaan ini meraih banyak keuntungan pada tahun-tahun lalu. Akhir-akhir ini, Sedania memperoleh kontrak enam tahun daripada Pos Malaysia, dan ini memberinya peluang kemasukan ke dalam sektor rantai bekalan dengan Fasa 1 projek ini bakal diselesaikan pada Jun 2022.

Hasil berkembang kerana kepekaan dunia mengenai ESG. Dengan kebimbangan yang kian meningkat mengenai isu perubahan iklim, kami percaya Sedania akan dapat meraih pertumbuhan hasil memandangkan rangka kerja kontrak kumpulan ini membantu syarikat mengejar objektif alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG) dan mengurangkan penggunaan tenaga mereka dengan ketaranya. Kumpulan ini juga bakal mencapai pendapatan berulang yang berkembang memandangkan kontrak EPC berjalan antara 5 hingga 10 tahun. Margin untung bagi setiap projek dianggarkan pada 40% dengan ROI 15-20%. Selain itu, perniagaan ini juga berpotensi mendatangkan modal kredit karbon yang dapat ditukarkan kepada wang pada masa depan.

Menjual produk penjagaan kesihatan lestari. Tindakan mengambil alih pegangan saham 51% Offspring Inc Sdn Bhd oleh Sedania Innovator adalah untuk mempelbagai portfolionya dalam produk pengguna. Pengambilalihan ini yang selesai pada Jan 2021 menjadi penyumbang utama pada hasil (55.1%), keberuntungan (39.1% PBT) serta aliran tunai kumpulan ini. Sebagai salah satu produk bayi mesra alam terkemuka yang diperbuat daripada bahan organik dan sumber lestari, kami dapati wujudnya potensi yang berkembang dalam kalangan pengguna yang semakin sedar mengenai produk mesra alam dan lestari yang berkualiti. Offspring

sekarang mempunyai kehadiran di 21 negara di lima benua, termasuk Asia, Amerika, Eropah, Afrika dan Timur Tengah. Selepas mencecah CAGR hasil 3 tahun sebanyak 138%, kami percaya ia akan meneruskan trajektori pertumbuhan kukuh dengan melaksanakan pelan strategik untuk menambah bahagian pasaran melalui saluran dalam talian dan memanfaatkan peluang pertumbuhan di sekitar Teluk.

Kejayaan mengejut dalam FinTech. Sedania akan mendapat manfaat daripada gaya hidup digital yang semakin maju berikutan peralihan kelakuan digital ke arah tabiat perbankan, ditambah pula dengan perikatan strategik yang dijalinan dengan pemimpin industri FinTech menerusi anak syarikatnya, Sedania As Salam Capital Sdn Bhd (SASC). Baru-baru ini, dua daripada rakan kongsi SASC (Grab Financial Group dan Aeon Credit/AEON Financial Service) ditawarkan lesen perbankan digital daripada Bank Negara Malaysia. Kami berpendapat segmen FinTech Sedania akan mendapat untung daripada perjanjian ini yang bermula pada FY23. Kumpulan ini juga melakukan usaha niaga dalam ruang e-sukan pada 2019 apabila ia mengasaskan Esports Players League (ESPL) melalui pegangan pelaburan 36.21% dalam Esports Pte Ltd. ESPL telah menganjurkan pertandingan untuk para penerbit permainan video terkenal dunia.

Kad Laporan Syarikat

Sorotan keputusan. Sedania telah melaporkan hasil tertinggi MYR49.1j sejak penyenaiaannya dengan peningkatan 65.1% YoY, kerana usaha yang dilakukan HealthTech Kumpulan ini. Tambahan lagi, hasil segmen GreenTech menaik 725.8% daripada MYR1.9j pada FY20 kepada MYR15.65j pada FY21 apabila Sedania dapat memulakan semula aktiviti di tapak dan mendapat lebih banyak projek EPC. Oleh itu, Kumpulan ini berjaya mendapatkan semula perolehan MYR8.5j daripada kerugian MYR10.2j yang dicatatkan pada tahun lalu.

Kunci kira-kira, aliran tunai dan dividen. Kumpulan ini mempunyai kunci kira-kira baik dengan tunai bersih sebanyak MYR8.7j setakat FY21, sekali gus menyokong pengembangan pada masa depan. Walau bagaimanapun, disebabkan oleh model perniagaan Sedania, aliran tunai operasi menjadi negatif dengan aliran tunai operasi FY19-21 berada pada MYR2.2-0.2j. Meskipun ia tidak mempunyai dasar dividen, Sedania telah membayar 1 sen sesaham pada FY15-17. **Pengurusan.** Datuk Azrin Mohd Noor ialah pengasas syarikat ini dan kini menjawat jawatan Pengarah Pengurusan. Datuk Syaifiroz Mohd Noor, Pengarah Eksekutif, ialah orang pertama yang menyertai Sedania Corporation Sdn Bhd (“SCSB”) pada 2005 dan bertugas sebagai Pengurus Am. En. Daniel Bernd Ruppert dilantik sebagai CEO Kumpulan Syarikat ini pada 2018. Sebelum menyertai Syarikat ini, En. Daniel mempunyai pengalaman bekerja lebih 20 tahun dalam institusi kewangan dunia di UK.

Kes Pelaburan

Kami menyukai saham ini kerana pendedahan uniknya kepada segmen kelestarian yang khusus dalam pasaran Malaysia dan ia bakal mendapat sambutan berikutan kebimbangan mengenai pelepasan karbon dan peraturan ESG. Kami juga positif dengan usaha niaga Sedania dalam bahagian kelestarian kesihatan. Usaha ini akan menyumbang pada pendapatan kasar FY22-23 kumpulan ini serta pertumbuhan pendapatan bersih. Julat nilai berpatutan MYR0.61-0.75 kami melalui SOP membayangkan P/E FY23F 14-17X dengan bahagian GreenTech dan HealthTech masing-masing ditetapkan pada julat P/E syarikat setara lain 12-15x dan 17-20x. Kami fikir penilaian kami wajar berdasarkan pengumuman projek besar EPC, serta usaha niaga Sedania baru-baru ini. Risiko-risiko utama termasuk kebergantungannya pada sumbangan daripada pelanggan utama dan kebergantungan kumpulan pada prestasi rakan kongsi strategiknya

Profit & Loss	Dec-19	Dec-20	Dec-21
Total turnover (MYRm)	15	30	49
Reported net profit (MYRm)	2	(10)	9
Recurring net profit (MYRm)	1	(3)	9
Recurring net profit growth (%)	164.8	(318.0)	422.6
Recurring EPS (MYR)	0.00	(0.01)	0.02
DPS (MYR)	0.00	0.00	0.00
Dividend Yield (%)	0.0	0.0	0.0
Recurring P/E (x)	73.8	nm	14.7
Return on average equity (%)	8.6	(42.4)	31.1
P/B (x)	2.8	6.1	3.0
P/CF (x)	(39.9)	(27.4)	(644.3)

Sumber: Data syarikat, RHB

Balance Sheet (MYRm)	Dec-19	Dec-20	Dec-21
Total current assets	24	29	32
Total assets	35	40	52
Total current liabilities	3	19	6
Total non-current liabilities	1	3	4
Total liabilities	4	22	10
Shareholder's equity	32	17	38
Minority interest	0	1	3
Other equity	0	0	0
Total liabilities & equity	35	40	52
Total debt	1	3	5
Net debt	(10)	(11)	(9)

Sumber: Data syarikat, RHB

Cash Flow (MYRm)	Dec-19	Dec-20	Dec-21
Cash flow from operations	(2)	(4)	(0)
Cash flow from investing activities	(2)	(3)	(14)
Cash flow from financing activities	2	8	14
Cash at beginning of period	13	12	13
Net change in cash	(2)	1	(0)
Ending balance cash	11	13	13

Sumber: Data syarikat, RHB

*Nota: Laporan terjemahan Bahasa Malaysia ini merupakan versi ringkas bagi laporan asal dalam bahasa Inggeris dan diguna pakai untuk menyampaikan maklumat sahaja. Penerima dinasihatkan untuk merujuk laporan asal dalam bahasa Inggeris untuk butiran lanjut, dan untuk penafian penyelidikan dan pendedahan rasmi. Walaupun laporan terjemahan Bahasa Malaysia disediakan, laporan asal dalam bahasa Inggeris hendaklah diberi keutamaan sekiranya berlaku sebarang persoalan tentang pentafsiran, percanggahan ataupun dalam hal yang lain